



**JMG319: GEOGRAFI BANDAR DAN PETEMPATAN MANUSIA  
SESI 2004/2005**

TAJUK

**Landskap Budaya: Hubungan Dan Peranan Dalam Petempatan  
Manusia**

OLEH

**Augustine Towonsing**

TARIKH

**28 November, 2003**

PENGURUS KURSUS

**Dr. Hj. Wan Rozali Hj. Wan Hussin**

**PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

# Isi Kandungan

---

	Halaman
PRAKATA	i
DAFTAR GAMBAR, GAMBARAJAH DAN JADUAL	iii
<b>BAHAGIAN I</b>	
Pengenalan	1
<b>BAHAGIAN 2</b>	
PENGARUH LANSKAP BUDAYA TERHADAP PENEMPATAN MANUSIA.	2
2.1 Kajian Kes : Bandar Sungai Petani.	2
2.2 Lanskap budaya Bandar Sungai Petani.	3
<b>BAHAGIAN 3</b>	
HUBUNGAN LANSKAP BUDAYA BANDAR SUNGAI PETANI DENGAN PENEMPATAN KAWASAN SEKITAR.	6
3.1 Sosial dan budaya.	6
3.2 Ekonomi.	9
<b>BAHAGIAN 4</b>	
KESIMPULAN	13
SUMBER RUJUKAN	
Buku Rujukan	15
Rujukan Dalam Talian ( Online References ).	15

# Prakata

---

Tugasan ini yang mempunyai jumlah perkataan sebanyak 3,096 patah perkataan termasuk prakata, daftar gambar, gambarajah, jadual, isi kandungan, catatan gambar dan rajah dan rujukan cuba membincangkan tentang hubungan lanskap budaya dengan penempatan manusia di mana saya mengambil Bandar Sungai Petani sebagai contoh isu di samping Bandar Laguna Merbok. Dalam perbincangan ini saya membahagikan perbincangan kepada empat bahagian iaitu bahagian pengenalan, bahagian 2 membincangkan tentang pengaruh lanskap budaya di kawasan kajian, bahagian 3 membincangkan tentang hubungan lanskap budaya kawasan kajian dengan penempatan di samping dikaitkan dengan sosial, budaya dan ekonomi dan bahagian akhir sebagai kesimpulan.

Dalam pengenalan saya membincangkan tentang skop lanskap budaya dalam hubungannya dengan aktiviti manusia dengan berdasarkan kepada pendapat sarjana.

Bahagian kedua, saya memperkenalkan lanskap budaya di kawasan kajian dengan mengaitkan peranan dan fungsi lanskap budaya terhadap aktiviti dan penempatan kawasan kajian.

Dalam bahagian ketiga, saya membincangkan hubungan lanskap budaya dengan keadaan sosial, aktiviti ekonomi dan juga kebudayaan masyarakat berdasarkan kepada lanskap budaya.

Manakala bahagian akhir iaitu kesimpulan, saya sekali lagi menjelaskan bahawa lanskap budaya boleh digunakan sebagai kayu ukur mengukur kemajuan sesebuah di mana lanskap budaya itu sendiri merupakan sebahagian daripada unsur penempatan yang mempunyai hubung kait.

Walau bagaimanapun, dalam proses mencari bahan rujukan bagi tugas ini pada mulanya terlalu sukar untuk mendapatkan bahan rujukan khasnya dari perpustakaan induk sehingga saya terpaksa membuat rujukan tambahan secara online.

Dalam ruangan ini juga saya ingin merakamkan setinggi –tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Hj. Wan Rozali Hj. Wan Hussin selaku pengurus kursus ini kerana telah memberikan pilihan tugas yang agak banyak dan juga bertanggungjawab memeriksa semua hasil kajian yang sudah tentu bukan sedikit banyaknya.

Tidak dilupakan juga saya ucapkan setinggi – tinggi penghargaan kepada rakan – rakan sekursus yang menjadi pendorong untuk terus berusaha seterusnya kerana sudi berkongsi tentang maklumat bahan – bahan rujukan.

Akhir sekali saya rakamkan setinggi – tinggi penghargaan kepada semua pihak yang tidak dapat disenaraikan di sini di atas apa juga pertolongan dan bantuan dalam usaha saya menyiapkan projek ini khususnya isteri saya Corinne Vong dan anak – anak saya Kimberley dan Sandra serta adik saya Maria yang sudi menemani saya selama hampir 5 jam dalam kajian luar dan juga menjadi nadi kekuatan untuk terus berusaha.

Augustine Bin Towonsing.  
28 November 2003.

#### **MAKLUMAT PERHUBUNGAN:**

---

81-B, Jalan Tiong,  
08000 Sungai Petani, Kedah.

Telefon Rumah : 04 – 4225004 / 4213794  
Telefon mudah alih : 019 – 419 1408

## **DAFTAR GAMBAR, GAMBARAJAH DAN JADUAL**

### **BAHAGIAN 2 : PENGARUH LANSKAP BUDAYA TERHADAP PENEMPATAN MANUSIA.**

		Halaman	
1.	Jadual 1	Senarai bangunan pentadbiran utama yang diletakkan di Pusat bandar.	4
2.	Gambar 1	Bangunan – bangunan perniagaan utama dan bangunan pentadbiran Bandar Sungai Petani..	5

### **BAHAGIAN 3 : HUBUNGAN LANSKAP BUDAYA BANDAR SUNGAI PETANI DENGAN PENEMPATAN KAWASAN SEKITAR.**

			Halaman
1.	Gambar 2	Lanskap budaya mencerminkan status ekonomi penduduk.	8
2.	Gambar 3	Lanskap penempatan kelas sederhana di Bandar Laguna Merbok.	9
3.	Gambar 4	Lanskap budaya di pusat bandar menyediakan peluang ekonomi kepada penduduk yang terlibat dalam industri ekonomi peringkat primer.	10
4.	Rajah 1	Model Lanskap Bandar Laguna Merbok.	12
5.	Rajah 2	Model Pelbagai Pusat – Lanskap Budaya Bandar Laguna Merbok.	12

## **BAHAGIAN 1 : PENGENALAN.**

Apabila memperkatakan tentang penempatan manusia maka kita tidak dapat melarikan diri daripada memperkatakan lanskap budaya kerana penempatan manusia adalah sebahagian daripada lanskap budaya dan lanskap budaya itu sendiri merupakan hasil daripada kegiatan manusia di dalam sesebuah lokasi. Dalam lanskap budaya itu sendiri meliputi kajian bentuk muka bumi mikro, tumbuhan semula jadi, bangunan dan pola – pola penempatan (Ingolf Vogeler, 1996, <http://www.uwec.edu/geography/ivogeler/w188/define.htm>) tetapi saya berpendapat bahawa lanskap budaya membawa makna segala unsur yang wujud di atas permukaan bumi hasil daripada kegiatan manusia dalam menjalankan kehidupan harian dengan berinteraksi dengan persekitaran untuk menjalankan kegiatan ekonomi sebagai manusia ekonomi dan dalam konteks ini saya berpendapat bahawa dalam konteks hubungan penempatan manusia dengan lanskap budaya maka tumpuan perbincangan ini hanya merujuk kepada lanskap budaya di atas permukaan bentuk muka bumi fizikal yang mengalami perubahan.

Walau bagaimanapun, persoalan yang timbul di sini ialah di antara dua unsur tadi iaitu objek manusia dan lanskap budaya perlu ditentukan unsur yang mempunyai dominasi terhadap unsur lain. Oleh yang demikian, saya menganggap bahawa manusia merupakan unsur dinamik yang mampu mendominasi persekitaran fizikal untuk kepentingannya dengan bertitik tolak daripada pendapat para sarjana yang menyokong pemikiran serba kemungkinan yang menyatakan bahawa manusia mempunyai peranan yang positif dan boleh mengatasi rintangan atau sekatan alam sekitar dan dalam pada itu pun, saya bersetuju pendapat Vidal De La Blache (1926) yang menyatakan bahawa perbezaan komuniti yang terdedah kepada alam sekitar

fizikal yang serupa boleh dijelaskan oleh perbezaan sistem nilai, sifat dan kebudayaan.

Dalam pada itu juga, saya tertarik dengan kenyataan Frederich Ratzel (1892) yang menyatakan bahawa manusia merupakan komuniti yang sama dengan haiwan dan tumbuhan terpaksa bertungkus - lumus untuk hidup. Memang bertepatan sekali kerana dengan jelas bahawa manusia dari sejak dahulu lagi berusaha bertungkus – lumus untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran fizikal tetapi dalam konteks perbincangan ini saya nampak bahawa ‘bertungkus – lumus’ di sini merujuk kepada usaha manusia mengatasi halangan persekitaran fizikal dan bukan sekadar menyesuaikan diri dengan persekitaran fizikal yang dianggap dominan menentukan kehidupan manusia.

Oleh yang demikian, berbalik kepada topik perbincangan saya berpendapat bahawa penempatan manusia sememangnya mempunyai hubungan dengan lanskap budaya di mana kedua – dua unsur ini saling berkaitan. Dengan itu dalam perbincangan ini saya akan menggunakan Lanskap budaya Kawasan bandar Sungai Petani sebagai isu dalam memperkatakan hubungan penempatan manusia dengan lanskap budaya.

## **BAHAGIAN 2 : PENGARUH LANSKAP BUDAYA TERHADAP PENEMPATAN MANUSIA.**

### **2.1 KAJIAN KES : BANDAR SUNGAI PETANI.**

Bandar ini terletak di tebing Sungai Petani dan nama bandar ini juga mengambil sempena nama sungai berkenaan yang merupakan cawangan kepada Sungai Merbok. Merupakan bandar kedua terbesar di Kedah selepas Alor Setar yang mengalami pembangunan pesat sejak tahun 1997 dan kini bandar Sungai Petani

mempunyai 2 buah bandar Satelit iaitu Bandar Laguna Merbok dan Bandar Aman Jaya yang melibatkan 271,738 penduduk (Pejabat Daerah Kuala Muda / Yan, 2000, <http://www.kedah.gov.my/jabkedah/DKualaMuda/> ).

Dari segi fizikal, bandar ini terletak di kawasan dataran yang mempunyai ketinggian lebih kurang 4 meter dari permukaan laut. Dihubungkan dengan kawasan lain dengan sistem pengangkutan darat sama ada dari utara atau selatan, timur dan barat. Bandar ini boleh dimasuki melalui lebuh raya Utara Selatan dengan menggunakan pintu masuk Sungai Petani Utara atau Selatan.

Dari aspek keistimewaan lokasi, sememangnya Bandar Sungai Petani mempunyai kedudukan yang istimewa yang terletak di tengah – tengah perjalanan di antara Kedah Utara dengan Selatan. Di mana bandar ini menjadi bandar persinggahan di samping sebagai pusat pentadbiran dan agihan barangan dan perkhidmatan.

## **2.2 Lanskap budaya Bandar Sungai Petani.**

Saya berpendapat bahawa ukuran asas untuk menilai maju mundur sesebuah kawasan adalah bertitik tolak kepada lanskap budaya kawasan berkenaan. Ini bermakna bahawa semakin banyak pembangunan di sesuatu kawasan dengan kewujudan pelbagai lanskap budaya maka andaian seseorang itu ialah kawasan berkenaan telah maju.

Dalam memperkatakan lanskap budaya di Bandar Sungai Petani, saya rasa sudah memadai saya mengambil contoh – contoh lanskap budaya yang utama sahaja sebagai outline kepada lanskap budaya yang begitu kompleks di kawasan ini. Secara amnya, bandar ini mempunyai perhubungan darat yang sangat maju dan telah dinaiktaraf sejak tahun 1999 yang menghubungkan dengan kawasan lain.

Lanskap penting di kawasan ini boleh dibahagikan kepada beberapa zon iaitu pusat bandar yang terdiri daripada bangunan pentadbiran dan perniagaan, zon

penempatan yang terletak di kawasan sekitar yang mempunyai kepelbagaian kelas, kawasan pertanian yang terletak 10 kilometer dari kawasan pusat bandar, kawasan perindustrian yang terletak di beberapa kawasan seperti Bakar Arang, Taman Desa, Aman Jaya dan beberapa kawasan lain.

Dalam pada itu corak lanskap budaya yang semakin jauh dari pusat bandar saya dapati dibina penempatan – penempatan manusia, bangunan perniagaan sederhana, kawasan perindustrian dan jarak bangunan semakin jauh di antara satu dengan lain.

saya berpendapat bahawa penumpuan kawasan bangunan pentadbiran dan bangunan utama di pusat bandar ini sangat signifikan terhadap kawasan penempatan di bandar Sungai Petani di mana penyusunan lanskap budaya bangunan di pusat bandar membolehkan penduduk sekitar menjalankan kegiatan urusan harian dengan mudah tanpa banyak membuang masa untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

**Jadual 1:** *Senarai bangunan pentadbiran utama yang diletakkan di Pusat bandar.*

Bil	Bangunan Pentadbiran Kerajaan
1.	Pejabat Daerah Kuala Muda/ Yan
2.	Ibu pejabat Polis Trafik
3.	Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda/ Yan
4.	Bangunan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sungai Petani
5.	Pejabat Lembaga Hasil dalam Negeri
6.	Pejabat Imigresen
7.	Pejabat Pendaftaran Negara
8.	Pejabat Pos Daerah
9.	Telekom Malaysia
10.	Tenaga Nasional Berhad
11.	Mahkamah Seksyen

Walau bagaimanapun, jelas kelihatan bahawa bangunan yang dibina pada peringkat awal tidak teratur serta tidak seragam serta kelihatan uzur. Dari segi kepentingan, bangunan yang dibina di kawasan bandar Sungai Petani mempunyai lanskap yang teratur khususnya bangunan baru dan jarak di antara bangunan juga

adalah luas berbanding dengan kawasan pusat bandar di mana kedudukan bangunan yang terlalu rapat.



**Gambar 1 :** *Bangunan – bangunan perniagaan utama dan bangunan pentadbiran Bandar Sungai Petani..*

Keterangan Gambar:

1. Atas kiri – Pasaraya Ceria.
2. Atas kanan – Bangunan Central Square (Mengandungi pasaraya The Store dan pusat membeli – belah yang lain.
3. Bawah kiri – Bangunan Pasaraya Bellion.
4. Bawah kanan – Bangunan SP Plaza ( mengandungi Pasaraya The Store dan pusat pentadbiran Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Majlis Perbandaran Sungai Petani.

**Gambar :** Sabli, 2001

Kewujudan setiap bangunan ini tidak dibina dalam tahun yang sama. Ini disebabkan oleh keperluan semasa mengikut peredaran masa. Dalam konteks ini saya berpendapat bahawa faktor masa sangat berperanan dalam konteks perkembangan aktiviti manusia yang membawa kepada pembangunan. Pembinaan bangunan – bangunan seperti yang dapat dilihat dalam gambar di atas mempunyai peranan dan pengaruh dengan kawasan penempatan di kawasan ini. Bangunan – bangunan ini bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan, menjadi pusat membeli – belah dan

juga pusat pentadbiran tetapi juga mempengaruhi pertumbuhan kawasan penempatan manusia.

Walaupun, John Corbett (n.d., <http://www.csiss.org/classics/content/29>) menyatakan bahawa ruang masa mengehendkan aktiviti manusia tetapi saya berpendapat bahawa ruang masa bukanlah penentu muktamad kerana saya yakin bahawa manusia menghasilkan lanskap budaya seperti bangunan untuk kegunaan bagi memenuhi keperluan semasa.

### **BAHAGIAN 3 : HUBUNGAN LANSKAP BUDAYA BANDAR SUNGAI PETANI DENGAN PENEMPATAN KAWASAN SEKITAR.**

Seperti yang saya katakan tadi bahawa ukuran asas melihat status kemajuan sesebuah bandar adalah dengan melihat kepada keadaan lanskap budaya. Dengan melihat kepada unsur ini maka seseorang sudah dapat unjuran penilaian sepintas lalu tentang kemajuan sesebuah kawasan. Oleh yang demikian, lanskap budaya di sesuatu kawasan boleh dilihat hubungannya dengan unsur lain dalam ruang berkenaan.

#### **3.1 Sosial dan budaya.**

Dalam topik ini sebenarnya impak peletakan lanskap budaya sangat besar terhadap peletakan status sosial. Dalam hal ini jelas kerana adanya kemudahan yang mudah di dapati dalam lingkungan kawasan penempatan dapat meningkatkan taraf hidup penduduk. Bangunan pentadbiran kerajaan yang dekat memudahkan urusan harian penduduk berkaitan dengan pentadbiran, mudah mendapatkan bekalan makanan dan juga perkhidmatan lain seperti kemudahan perbankan dan pusat – pusat kesihatan.

Malahan kemudahan kompleks membeli – belah yang begitu banyak di kawasan bandar ini seperti dalam Gambar 1 telah memberikan bukan sahaja peluang

perniagaan tetapi juga telah memberikan kemudahan kepada penduduk untuk mendapatkan keperluan. Malahan pusat – pusat membeli – belah ini memainkan peranan yang sangat penting dalam penyediaan barangan keperluan pengguna seperti yang dinyatakan oleh Colin J. Thomas dan Rosemary D.F Bromley (2003) bahawa kemudahan kompleks membeli – belah di sesuatu kawasan merupakan tarikan kepada penduduk sekitar berkunjung ke pusat bandar.

Selain daripada itu, kekerapan pergerakan manusia di dalam ruang permukaan bumi juga meningkat. Ini dapat dilihat di bandar Sungai Petani sendiri di mana penduduk masih kelihatan berada di tempat – tempat tertentu pada waktu malam khususnya kawasan gerai makanan dan sebagainya.

Di samping itu juga, lanskap budaya di Bandar Sungai Petani ini memperlihatkan masyarakat majmuk yang terdiri daripada masyarakat India, Cina dan Melayu yang mengamalkan cara hidup yang unik tetapi dalam keadaan harmoni. Dalam pada itu, fenomena seumpama ini dapat dilihat berdasarkan kepada kewujudan lanskap budaya bagi bangunan ibadat serta kawasan tertentu yang didominasi oleh ras tertentu seperti kawasan Pekan Lama yang didominasi oleh penduduk Cina manakala kawasan yang lain pula lebih kepada campuran. Oleh yang demikian, budaya masyarakat setempat tadi telah membentuk satu corak lanskap budaya mencerminkan kebudayaan masyarakat setempat yang bukan sahaja mempengaruhi kewujudan satu corak lanskap budaya tetapi mencerminkan penempatan manusia.

kewujudan lanskap budaya bangunan masjid di sesuatu kawasan mencerminkan bahawa majoriti penduduk di kawasan berkenaan adalah penduduk yang beragama Islam dan kemungkinan besar penduduknya adalah berbangsa Melayu dalam konteks kawasan bandar Sungai Petani dan demikianlah selanjutnya jika didapati bangunan tokong.

Kadang kala lanskap budaya itu juga mencerminkan status ekonomi, sosial dan aktiviti penduduk kawasan berkenaan.



**Gambar 2 :** Lanskap budaya mencerminkan status ekonomi penduduk.

Gambar : Augustine Towonsing, 14 November 2003.

Jika berdasarkan kepada contoh Gambar 2 di atas, jelas bahawa lanskap budaya ini mencerminkan bahawa penempatan ini adalah penempatan luar bandar di kawasan kampung. Dari segi ekonomi, boleh dikatakan bahawa kita boleh andaikan penduduk di kawasan berkenaan berada pada ekonomi peringkat bawah.

Manakala dalam contoh Gambar 3 pula jelas bahawa lanskap budaya ini berada di kawasan penempatan terancang dan boleh diandaikan bahawa penduduk yang tinggal di kawasan ini mempunyai status ekonomi yang lebih tinggi serta taraf sosial yang lebih tinggi berbanding dengan contoh Gambar 2.

Jadi, ini dapat menjelaskan bahawa lanskap budaya mempunyai hubungan langsung dengan penempatan manusia. Di mana lanskap budaya boleh digunakan sebagai ukuran asas menilai tahap kemajuan penduduk setempat.



**Gambar 3 :** *Lanskap penempatan kelas sederhana di Bandar Laguna Merbok.*

**Gambar :** Augustine Towonsing, 14 November 2003.

### **3.2 Ekonomi.**

Dalam bidang ekonomi pula, lanskap budaya di kawasan ini membenarkan penduduk menjalankan kegiatan ekonomi dari skala peringkat primer sehinggalah ke peringkat yang lebih besar peringkat tertier. Pada peringkat primer, penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar seperti Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka para petani dan nelayan menjalankan kegiatan ekonomi peringkat primer di mana hasil tadi akan di bawah ke pusat bandar untuk dijual.

Dengan kewujudan sistem perhubungan dan pengangkutan yang semakin maju maka ekonomi penduduk juga meningkat walaupun bermula dari kelas yang paling rendah sebagai pengedar surat khabar, penjual bergerak kepada peringkat yang lebih tinggi seperti gerai tetap, kedai makan, restoran seterusnya gedung membeli – belah. Kemajuan ini adalah disebabkan oleh kewujudan lanskap budaya itu sendiri.



**Gambar 4 :** Lanskap budaya di pusat bandar menyediakan peluang ekonomi kepada penduduk yang terlibat dalam industri ekonomi peringkat primer.

**Gambar :** Sabli, 2001.

Di pusat bandar pula pelbagai kegiatan ekonomi dijalankan bermula daripada peringkat sekunder sehinggalah peringkat tertier di mana penduduk dari kawasan lingkungan bandar Sungai Petani datang ke bandar dengan bas, teksi atau kenderaan sendiri untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan.

Jika dilihat dari segi penawaran barangan di kawasan pusat bandar kelihatan pelbagai barangan yang ditawarkan, restoran, kemudahan – kemudahan pusat kesihatan yang mudah didapati. Di kawasan dua kilometer dari pusat bandar barangan yang ditawarkan semakin rendah yang hanya terdapat gerai – gerai makan, pusat membaiki kereta, stesen minyak serta kedai gunting untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk di kawasan sekitar.

Walau bagaimanapun, kerana peranan pusat bandar sebagai lanskap budaya yang mempunyai hubungan langsung dengan kawasan penempatan maka Reilly, W.J (1929) menyatakan bahawa manusia akan bergerak ke kawasan bandar untuk

mendapatkan atau memasarkan hasil ekonomi. Jadi, dapat disimpulkan bahawa lanskap budaya kawasan ini mempunyai perkaitan dan hubungan langsung dengan penempatan manusia.


Walau bagaimanapun, dalam konsep peletakan kawasan penempatan yang bertaraf mewah kebanyakan berada di kawasan zon luar pusat bandar seperti Bandar Laguna Merbok. Keadaan ini berlaku kerana kawasan penempatan ini mengamalkan konsep penempatan berpusat di mana semua kemudahan diletakkan di kawasan penempatan manusia yang bukan sahaja menawarkan kemudahan pusat membeli – belah, pendidikan, perindustrian tetapi juga menyediakan pusat rekreasi (Petani Jaya Sdn. Bhd., 2003, <http://www.blm.com.my/>) dan untuk kes ini saya mendapati bahawa peletakan kawasan penempatan mewah tidak semuanya berada di kawasan luar bandar dan saya berpendapat penyebaran mengikut guna tanah bandar model Sektor (Homer Hoyt, 1939).

Walau bagaimanapun, berbeza dengan lanskap budaya di kawasan penempatan Bandar Laguna Merbok yang merupakan bandar satelit kepada bandar Sungai Petani mempunyai hubungan yang lebih jelas dengan penempatan manusia di mana kawasan ini nampaknya lanskap budaya bandar memainkan peranan penting dalam pembentukan penempatan manusia. Keadaan ini dapat dijelaskan seperti di dalam Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1: Model Lanskap Bandar Laguna Merbok.**

**Sumber Pelan:** Petani Jaya Sdn.Bhd, 2003.



**Rajah 2 : Model Pelbagai Pusat – Lanskap Budaya Bandar Laguna Merbok.**

1. Pusat bandar –pentadbiran dan perdagangan.
2. perindustrian ringan.
3. Penempatan kelas bawah.
4. Pusat rekreasi.
5. Penempatan kelas sederhana
6. penempatan kelas mewah.

*Catatan:*

Berdasarkan model Pelbagai Pusat Chauncy D.Haris dan Edward L. Ullman (1945, dalam Katiman Rostam, 1988)

Berdasarkan kepada Rajah 2 jelas bahawa lanskap budaya ini dapat mencerminkan penempatan manusia sama ada aspek kebudayaan, sosial atau ekonomi. Dalam contoh Bandar Laguna Merbok, bandar ini boleh dikatakan sebagai sebuah bandar yang ideal kerana dalam lanskap budaya dalam bandar ini telah disediakan semua kemudahan awam termasuk pasar, balai bomba, sekolah, pusat perdagangan, perindustrian ringan dan rekreasi yang memberikan keselesaan kepada penduduk di kawasan ini. Jika dilihat dalam model yang saya sediakan jelas bahawa penyusunan lanskap budaya yang kemas dan teratur bukan sahaja memudahkan pergerakan sosial penduduk tetapi juga memperlihatkan bahawa susunan lanskap budaya sesebuah kawasan mencerminkan organisasi hubungan lanskap itu sendiri dengan penempatan kawasan sekitar.

#### **BAHAGIAN 4 : KESIMPULAN.**

Pada masa kini di mana – mana sahaja kita pergi, sama ada di kota besar, tepi laut, ke luar bandar kita melihat bahawa persekitaran fizikal telah banyak berubah. Pelbagai bentuk lanskap budaya menyambut kedatangan kita. Semua ini sekadar menyedarkan kita bahawa manusia kini mampu mengatasi halangan persekitaran fizikal dan saya berpendapat bahawa selaras dengan geografi masa semakin banyak lanskap budaya yang akan diwujudkan.

Dalam pada itu, lanskap budaya bukan sekadar memperlihatkan bahawa manusia mampu mengatasi halangan fizikal tetapi lanskap budaya juga menjadi ukuran penting dalam melihat kemajuan.

Dalam konteks sosiologi lanskap budaya bukan sekadar memperlihatkan status kemajuan sesebuah kawasan tetapi juga dapat mencerminkan budaya, sosial dan ekonomi penduduk setempat. Oleh yang demikian sememangnya lanskap budaya

mempunyai hubungan dengan penempatan manusia. Malahan Richard G. Boehm (1996) menyatakan lanskap budaya mempunyai hubungan kuat dengan antropologi dan arkeologi.

Oleh itu, apa yang kita dapat simpulkan bahawa lanskap budaya merupakan gambaran asas kepada struktur sosial, ekonomi dan budaya manusia yang menghuni ruang permukaan bumi. Malahan penempatan manusia merupakan sebahagian daripada lanskap budaya itu sendiri dan lanskap budaya itu sendiri mempunyai hubungan dengan penempatan yang mencerminkan status sosial, ekonomi dan kebudayaan.

# Sumber Rujukan

---

## Buku Rujukan.

Chauncy D.Haris dan Edward L. Ullman. (1945). "Model pelbagai guna.", dalam Katiman Rostam. (1988). *Pengantar Geografi Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Colin J. Thomas dan Rosemary D.F Bromley.(2003). Retail revitalization and small town centres: the contribution of shopping linkages. *Applied Geography* ,23, 48 – 68.

Friedrich Ratzel. (1926). Antropologie in geography. *Annals of the Association of American Geographers* 53:429-40

Homer Hoyt. (1939). "Model Sektor.", dalam Katiman Rostam. (1988). *Pengantar Geografi Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Vidal De La Blache. (1926). *The Geographical Tradition*. Oxford : Blackwell.

## Rujukan Dalam Talian ( Online References )

Ingolf Vogeler. (1996). *Culture and Cultural Lanscapes*. (Online) Diperolehi pada 5 November 2003 dari Laman Web <http://www.uwec.edu/geography/ivogeler/w188/define.htm>

John Corbett. (n.d). *Torsten Hägerstrand: Time Geography*. (Online) Diperolehi pada 10 November 2003 dari Laman Web <http://www.csiss.org/classics/content/29>

Pejabat Daerah Kuala Muda/Yan. (n.d). *Statistik/Perangkaan*. (Online) Diperolehi pada 12 November 2003 dari Laman Web <http://www.kedah.gov.my/jabkedah/DKualaMuda/>

Petani Jaya Sdn. Bhd. (2003). *Bandar Laguna Merbok: The Resort Township* (Online). Diperolehi pada 6 November 2003 dari Laman Web <http://www.blm.com.my/>

Richard G. Boehm. (1996). Association of American Geographers : *Cultural and Human Geography*. (Online) Diperolehi pada 4 November 2003 dari Laman Web [http://www.aag.org/Careers/Cultural\\_Human\\_Geography.html](http://www.aag.org/Careers/Cultural_Human_Geography.html)

Sabli. (2001). *Sungai Petani Webpage*. (Online) Diperolehi pada 5 November 2003 dari Laman Web <http://www.webspawner.com/users/sungaipetani/>